

PM di Port Dickson bagi lawatan kerja sehari ke N Sembilan
Utusan Online
24 Mac, 2012

PORT DICKSON 24 Mac – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Taman Intan Duyung, dekat sini kira-kira pukul 11 pagi ini sempena lawatan kerja sehari ke negeri ini, hari ini.

Najib menyampaikan ucapan di sini dan menyaksikan penyerahan 70 rumah mampu milik berkualiti daripada pemaju kepada kerajaan negeri.

Pemimpin negara itu kemudiannya akan menyertai jamuan makan tengah hari di padang awam Majlis Perbandaran Port Dickson serta beramah mesra dengan penduduk setempat.

Pada sebelah petangnya, Perdana Menteri akan menemui penduduk di Taman Desa Rhu, Sikamat, Seremban selain melancarkan Kempen Sayangi Warga Emas peringkat negeri. –
UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0324&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_07.htm